

GARIS PANDUAN UNTUK PROJEK PENYELIDIKAN

(1) **Calon boleh mendaftar projek penyelidikan sekiranya**

- telah melengkapkan komponen kursus seperti berikut:

Sesi Masuk	Kursus Teras	Kursus Elektif Program	Kursus Elektif Fakulti
2016/2017 sahaja	Lulus semua	Lulus semua	Lulus semua atau lulus sebahagian
2017/2018 ke atas	Lulus semua		Lulus semua atau lulus sebahagian

- PNGK terkini adalah tidak kurang daripada 3.00

(2) **Pelantikan penyelia dan penetapan bidang penyelidikan**

- Perlu dibuat sekurang-kurangnya dalam tempoh 1 bulan sebelum semester bermula (Mengisi borang *application for appointment of supervisor*)

(3) **Had patah perkataan**

- Tidak melebihi 15,000 patah perkataan (termasuk bibliografi, tidak termasuk apendiks)

(4) **Perancangan projek penyelidikan**

Minggu	Aktiviti
Minggu 1	Perbincangan bersama penyelia
Minggu 2	Rancangan penyelidikan lengkap dan diluluskan oleh penyelia
Minggu 3	Metodologi
Minggu 4	Metodologi/ Pengumpulan data
Minggu 5	Pengumpulan data
Minggu 6	Pengumpulan data
Minggu 7	Pengumpulan data Notis kelulusan tajuk pada Isnin Minggu ke 7
Minggu 8	Analisis data lengkap
Minggu 9	Analisis data lengkap
Minggu 10	Analisis data lengkap
CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
Minggu 11	Penulisan laporan
Minggu 12	Penulisan laporan
Minggu 13	Penulisan laporan
Minggu 14	Penulisan laporan

Minggu 15	Penyerahan laporan untuk peperiksaan pada Isnin Minggu ke 15
-----------	---

(5) **Serahan untuk tujuan peperiksaan**

- Kelulusan tajuk dan pelantikan penilai: Notis kelulusan tajuk perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada minggu ke 7 dalam sesuatu semester untuk kelulusan tajuk projek penyelidikan
- Dua (2) salinan projek penyelidikan diserahkan kepada Pejabat Ijazah Tinggi (3 salinan sekiranya dua penyelia) pada minggu ke 15 setiap semester bersama-sama dengan perkara berikut:
 1. borang serahan untuk tujuan peperiksaan
 2. satu salinan surat kelulusan tajuk projek penyelidikan
 3. laporan Turnitin (peratusan indeks tidak melebihi 10%)
- Setiap naskah projek penyelidikan perlu dijilid menggunakan *comb bind* dan untuk muka hadapan, dibenarkan untuk menggunakan kertas putih A4 (tidak semestinya kertas berwarna biru seperti yang dinyatakan dalam *Guidelines for the Preparation of Research Reports, Dissertations and Theses*, di laman web IPS.
- Hanya satu (1) jenis abstrak sahaja diperlukan (versi Bahasa Inggeris)

(6) **Penilaian projek penyelidikan**

- Penilaian adalah berdasarkan hasil pembelajaran kursus seperti berikut:
 1. Membentuk soalan penyelidikan dan reka bentuk penyelidikan yang kritikal.
 2. Menilai literatur yang berkaitan secara sistematik.
 3. Menguruskan analisis data yang dikumpul dengan kaedah penyelidikan yang berkaitan.
 4. Mengamalkan tingkahlaku etika dan profesionalisme dalam penyelidikan.
- Pemarkahan dan gred
 1. Projek penyelidikan akan dinilai oleh penyelia dan seorang penilai yang dilantik oleh Fakulti
 2. Calon akan diberikan markah dan gred berdasarkan rubrik penilaian yang telah ditetapkan oleh Fakulti
 3. Calon wajib lulus projek penyelidikan dengan mendapat sekurang-kurangnya minimum gred B
 4. Calon yang gagal (sama ada tidak menyerahkan dalam tempoh yang ditetapkan atau disebabkan tidak mencapai minimum gred B) perlu mengulang projek penyelidikan berdasarkan perakuan Jawatankuasa Pemeriksa pada semester berikutnya